

## **HADIAH SASTERA SINGAPURA 2016 SYARAT & PERATURAN**

### **1. Kelayakan**

(a) Pertandingan ini terbuka kepada semua warganegara Singapura dan Penduduk Tetap Singapura yang sekurang-kurangnya 18 tahun ketika mengambil bahagian.

### **2. Kategori**

(a) Anugerah ini adalah bagi apa-apa karya yang sudah diterbitkan termasuk karya fiksiyen (cerpen dan novel), karya syair, dan karya bukan fiksiyen yang diterbitkan di Singapura atau di luar negara di antara 1 Januari 2014 dan 31 Disember 2015.

(b) Sebahagian besar kandungannya tidak sepatutnya bahan yang pernah muncul di terbitan-terbitan yang lain.

### **3. Subjek dan Tema**

(a) Karya-karya boleh menyentuh sebarang subjek atau tema.

(b) Bagi tujuan anugerah ini, erti sastera bukan fiksiyen adalah penulisan yang menggunakan peralatan sastera untuk membentuk karya naratif tentang peristiwa-peristiwa sebenar, watak manusia, atau idea. Contoh-contoh dalam genre ini termasuk kritikan sastera, biografi, penulisan tentang makanan, kewartawanan berbentuk sastera, memoir, esei peribadi dan penulisan tentang pengembaraan. Karya-karya ini harus mudah difahami pembaca umum dan tidak boleh ditujukan khususnya kepada pembaca pakar atau akademik.

### **4. Bahasa**

(a) Karya-karya yang dihantar mestilah ditulis di dalam salah satu daripada empat bahasa rasmi: Bahasa Inggeris, Cina, Melayu, atau Tamil.

### **5. Ketulenan**

(a) Setiap penyertaan mestilah karya tulen yang ditulis oleh peserta.

(b) Peserta mestilah pengarang karya.

(c) Karya yang dihantar tidak boleh melebihi dua (2) orang pengarangnya.

(d) Hanya karya yang telah diterbitkan akan diterima. Untuk layak, karya-karya mesti diterbitkan di dalam bentuk cetakan bagi pasaran komersial.

### **6. Bilangan Penyertaan**

(a) Setiap orang peserta boleh menghantar lebih daripada sebuah karya untuk pertandingan ini dengan syarat bahawa setiap karya cukup berbeza dan bukan

sekadar variasi karya yang sama.

(b) Karya yang sama tidak boleh dihantar di dalam lebih daripada satu aliran bahasa.

(c) Salinan digital (soft copy) borang penyertaan rasmi mesti mengiringi setiap karya yang dihantar. Peserta perlu menyediakan empat (4) salinan cetak (hard copy) setiap karya.

(d) Karya-karya boleh dihantar oleh pengarang ataupun penerbit.

## 7. Pemilihan

(a) Akan diadakan panel tiga orang pengadil bagi setiap kategori dan setiap aliran bahasa.

(b) Keputusan pengadil adalah muktamad dan mengikat. Sebarang surat-menyerat berhubung dengan keputusan pengadil tidak akan dilayani.

## 8. Tarikh Tutup

(a) Tarikh tutup pertandingan ini adalah 8 Januari 2016, jam 5.00 petang.

## 9. Buku Yang Dihantar

(a) Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya ada penyertaan yang hilang atau rosak di dalam proses pengiriman.

(b) Buku-buku yang diserahkan bagi Hadiah Sastera Singapura akan disimpan oleh Majlis Perkembangan Buku Kebangsaan.

## 10. Anugerah

(a) Hadiah Sastera Singapura membawa anugerah berjumlah \$10,000 bagi pemenang di dalam setiap satu kategori tersebut (tiga kesemuanya), di dalam setiap satu aliran bahasa rasmi (empat kesemuanya). Di samping itu, pemenang akan dipersembahkan trofi yang direka khas.

(b) Panel pengadil akan menghadihkan satu Anugerah sahaja bagi setiap kategori di dalam setiap aliran bahasa bagi pertandingan ini. Jika tiada karya yang layak mendapat anugerah, pengadil tidak akan mengisytiharkan siapapun sebagai pemenang.

(c) Sekiranya tiada pemenang, panel pengadil boleh memberi Hadiah Merit berjumlah \$5,000 kepada setiap pemenang atau Hadiah Kepujian berjumlah \$1,000 kepada setiap pemenang. Jumlah wang Hadiah di dalam setiap kategori aliran bahasa tidak akan melebihi \$10,000.

## 11. Senarai Pendek

(a) Jawatankuasa Penganjur akan mengumumkan senarai pendek karya-karya yang dipertimbangkan untuk Hadiah Sastera Singapura pada bulan Mei 2016.

## 12. Pengumuman Pemenang

(a) Hadiah akan diberikan kepada para pemenang semasa majlis anugerah pada bulan Julai 2016. Pemenang TIDAK akan dimaklumkan sebelum majlis anugerah dilancarkan. Semua penulis yang disenarai pendek akan dijemput hadir. Jika penulis yang disenarai pendek itu tidak dapat hadir atas apa jua sebab, beliau harus melantik seseorang untuk mewakilinya, dan menerima anugerah itu sekiranya karya beliau menang.

## 13. Tanggungjawab

(a) Pemenang dan juga penulis lain yang disenarai pendek akan dijemput untuk menjalankan ceramah, bengkel, dan/atau program pembimbing penulis.

(b) Pemenang dan juga penulis lain yang disenarai pendek akan dikehendaki berhubung dengan media dan menghadiri acara media, serta menyokong Majlis Perkembangan Buku Kebangsaan di dalam semua kegiatan Hadiah Sastera Singapura berkaitan pemasaran dan publisiti.

## 14. Penyertaan

(a) Semua penyertaan (setiap penyertaan mesti termasuk empat (4) salinan cetak (hard copy) bagi karya tersebut) perlu dihantar melalui pos berdaftar atau diserahkan dengan tangan, dalam bungkusan bertanda "Hadiah Sastera Singapura 2016" dan dialamatkan kepada:

**Singapore Literature Prize (SLP) 2016**

National Book Development Council of Singapore

c/o Geylang East Public Library

50 Geylang East Avenue 1

Singapore 389777

(b) Penyertaan juga perlu termasuk salinan digital (soft copy) borang penyertaan yang lengkap, biografi ringkas (tidak melebihi 50 perkataan), gambar penulis, dan juga salinan Kad Pengenalan.

### Tarikh-tarikh Penting

26 Oktober 2015	Tempoh penyertaan dibuka
8 Januari 2016	Tempoh penyertaan ditutup
Mei 2016	Pengumuman Karya yang Disenarai Pendek
Julai 2016	Majlis Persembahan Anugerah pagi Pemenang-Pemenang Hadiah